

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14 June 2015



PEKAN 13 Jun - Datuk Seri Najib Tun Razak memberi jaminan bahawa tiada golongan termasuk masyarakat Orang Asli yang akan dipinggirkan dalam agenda pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata, segala agenda pembangunan kerajaan dilaksanakan atas dasar keadilan dan menyeluruh bagi memastikan semua rakyat menerima faedah hasil kemakmuran negara.

"Sebagai sebuah kerajaan, kita berhasrat membawa negara ke kemuncak kejayaan lebih besar.

"Dalam perjalanan ini, kita kena pastikan bahawa tidak ada kelompok, golongan atau individu terpinggir daripada meraih manfaat dalam pembangunan negara serta perubahan besar yang sedang kita usahakan," katanya pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Kampung Tasik Mentiga, Chini di sini hari ini.

Yang hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chini, Datuk Abu Bakar Harun; ADUN Pulau Manis, Datuk Khairuddin Mahmud dan ADUN Bebar, Mohamad Fakhruddin Mohd. Ariff.

Sempena kunjungannya ke kampung berkenaan, beliau menyampaikan sumbangan kepada warga emas, melawat rumah penduduk yang dibina Yayasan Tun Razah dan Pejabat Parlimen Pekan serta menziarah pesakit.

Beliau juga meluluskan permohonan pembinaan jambatan di kampung tersebut yang dianggarkan bernilai RM4 juta.

Menurut Najib, semua golongan termasuk masyarakat Orang Asli di seluruh negara berhak dibawa seiring dengan arus pembangunan negara apatah lagi mereka merupakan penyokong kuat kerajaan Barisan Nasional (BN) dan berharap hubungan itu berkekalan.

Beliau berkata, hasil bantuan dan komitmen semua pihak menyaksikan masyarakat Orang Asli menikmati perubahan terutama dalam bidang pendidikan yang menjadi satu daripada kayu

pengukur kemajuan masyarakat berkenaan.

"Saya bangga apabila terdapat peningkatan dalam jumlah anak Orang Asli yang berjaya dalam pelajaran seperti melangkah ke sekolah asrama penuh, institusi pengajian tinggi dan mengikuti pengajian di luar negara.

"Kejayaan ini dengan harapan dapat merangsang anak Orang Asli lain mencapai kejayaan sama atau lebih hebat dalam bidang pendidikan," ujar beliau.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Pekan berkata, kerajaan akan terus membantu Orang Asli seperti menyediakan rumah lebih selesa, ladang sebagai punca ekonomi dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, meskipun sibuk dengan pelbagai tanggungjawab dan urusan sebagai ketua pentadbir negara, beliau tidak lupa bahawa akar politiknya adalah di Parlimen ini.

"Saya akan berusaha menjadi Ahli Parlimen yang boleh berkhidmat dengan baik dengan dibantu oleh ADUN-ADUN yang mampu memberi khidmat bakti kepada masyarakat," katanya.